



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



## TAJUK ; PEMPENGARUH AWAS BAHAYA GHIBAH



ISLAMIC SAVOIR OBEIDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "PEMPENGARUH, AWAS BAHAYA GHIBAH".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
4	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾
5	Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.
6	Khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk " <b>PEMPENGARUH, AWAS BAHAYA GHIBAH!</b> "
7	Tahukah Tuan-tuan bahawa <i>ghibah</i> itu merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar. Tahukah Tuan-tuan bahawa <i>ghibah</i> itu bukan sahaja dengan kata-kata, malahan dengan perbuatan juga.



Ada seorang wanita yang menemui 'Aisyah Radiallahuanha. Tatkala wanita itu hendak keluar, 'Aisyah berisyarat pada Nabi SAW dengan tangannya untuk menunjukkan bahawa wanita tersebut pendek. Nabi SAW lantas bersabda,

قَدِ اغْتَبْتِهَا

"Engkau telah mengghibahnya."

(Riwayat Ahmad).

Dosa *ghibah* ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 12 yang telah dibacakan sebentar tadi yang bermaksud:

"...dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang..."

9

Sekiranya kita aktif di media sosial seperti di Facebook, Instagram, TikTok dan YouTube, kita akan mendapati bahawa terdapat pempengaruh yang mengisi kandungan media sosialnya dengan menceritakan tentang kesilapan orang lain, atau memaparkan kesalahan orang lain sehingga menimbulkan rasa malu pada pelaku kesalahan tersebut, walaupun kesalahan itu kecil. Malahan ada yang memaparkan kesilapan orang lain sehingga menimbulkan kebencian dalam kalangan masyarakat.

10



Al-Syaukani dalam kitab tafsirnya Fathul Qadir menyebut, "Allah SWT memisalkan *ghibah* ini dengan memakan bangkai seseorang. Kerana bangkai sama sekali tidak mengetahui siapa yang memakan dagingnya. Ini sama keadaannya dengan orang yang hidup juga tidak mengetahui siapa yang *mengghibah* dirinya."

11

Beliau juga menjelaskan maksud pada ayat mukaddimah khutbah ini terkandung isyarat bahawa kehormatan manusia itu sebagaimana dagingnya. Jika daging manusia saja diharamkan untuk dimakan, begitu pula dengan kehormatannya dilarang untuk dimalukan. Ayat ini menjelaskan agar setiap muslim menjauhi perbuatan *ghibah* kerana ia adalah perbuatan yang teramat keji dan mungkar, begitu juga tercelanya orang yang melakukan *ghibah*.

12

Marilah kita lihat bagaimana Rasulullah SAW menjelaskan bagaimana *ghibah* itu boleh berlaku. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَتَدْرُونَ مَا الْغَيْبَةُ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ ذِكْرُكَ أَخَاكَ بِمَا يَكْرَهُ  
قِيلَ أَفَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ فِي أَخِي مَا أَقُولُ قَالَ إِنْ كَانَ فِيهِ مَا تَقُولُ فَقَدْ اغْتَبَتَهُ  
وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ فَقَدْ بَهَّتَهُ

13



"Tahukah kamu, apakah ghibah itu?" Para sahabat menjawab; Allah dan Rasul-Nya lebih tahu. Kemudian Rasulullah SAW bersabda: "Engkau menyebut tentang hal saudara kamu yang ia tidak sukai." Baginda ditanya lagi, "Bagaimana pendapatmu jika apa yang ada pada saudaraku sesuai dengan yang aku bicarakan?" Baginda menjawab: "Jika apa yang engkau katakan itu memang benar-benar ada maka engkau telah berbuat ghibah, namun jika tidak benar, maka engkau telah berbuat fitnah."

14

(Riwayat Muslim).

Daripada hadis di atas, kita dapat fahami bahawa;

1. Perbuatan *ghibah* itu adalah mengumpat atau gossip dan merupakan perbuatan dosa;
2. *Ghibah* juga adalah menceritakan atau melakonkan sesuatu yang buruk yang ada pada diri orang lain;
3. *Ghibah*, Mengumpat, Gosip boleh berlaku melalui lisan, tulisan atau melalui bahasa isyarat;
4. Walaupun yang dibicarakan itu betul pada orang tersebut, ia adalah *ghibah* yang diharamkan. Jika yang dibicarakan itu tidak benar, ia adalah fitnah;
5. Dunia sosial hari ini mudah terdedah dengan gossip dan mengumpat melalui media sosial sama ada melalui FB, Whatsapp, Telegram dan sebagainya. Bila di *post* atau *forward* akhirnya ianya menjadi fitnah.

15

Firman Allah SWT dalam surah Al-Nur ayat 19:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي  
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

16



*"Sesungguhnya orang-orang yang suka menyebarkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)."*

17

Rasulullah SAW melarang keras umatnya daripada melakukan *ghibah* melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu yang bermaksud:

*"Janganlah kamu saling mendengki, janganlah saling tanajusy (menyakiti dalam jual beli), janganlah saling membenci, janganlah saling membelakangi (mendiamkan), dan janganlah menjual di atas jualan saudaranya. Jadilah hamba Allah yang bersaudara. Seorang muslim adalah saudara untuk muslim lainnya. Kerana itu, dia tidak boleh berbuat zalim, memulaukan, berdusta, dan menghina yang lain. Takwa itu di sini, baginda SAW memberi isyarat ke dadanya tiga kali. Cukuplah seseorang berdosa jika ia menghina saudaranya yang muslim. Setiap muslim atas muslim lainnya itu haram darahnya, hartanya, dan kehormatannya."*  
(Mutafaqun Alaih).

18

Oleh itu, marilah kita menjauhi sifat *ghibah* ini, apatah lagi sekiranya kita aktif di media sosial. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

19

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ



<p><i>"Siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat hendaklah dia berkata baik atau diam."</i></p> <p>(Muttafaqun Alaih).</p>	20
<p>Pempengaruh hendaklah menggunakan pengaruh yang ada bagi menggalakkan pengikutnya di media sosial supaya menyebar dan melakukan kebaikan, menggalakkan pengikut supaya berakhlak mulia dan menjaga adab di media sosial serta menjauhi sifat-sifat mazmumah, tidak menimbulkan perselisihan faham dan pesengketaan yang berpanjangan.</p>	21
<p>Ingatlah sabda Nabi SAW daripada Abi Mas'ud al-Ansari Radiallahuanhu:</p> <p>مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ</p>	22
<p><i>"Sesiapa yang menunjukkan sesuatu kebaikan maka dia mendapat pahala sama seperti orang yang melakukannya."</i></p> <p>(Riwayat Muslim).</p>	23
<p>Berwaspadalah apabila melayari media sosial, pastikan benar dan sahih terlebih dahulu kemudian barulah disebar. Allah SWT menegaskan dalam surah al Hujurat ayat 6:</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾</p>	24



"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

25

Daripada khutbah yang disampaikan ini, marilah kita mengambil iktibar dengan menghayati isi kandungannya agar dapat dijadikan pedoman dalam hidup ini:

1. Umat Islam hendaklah menjaga hubungan baik sesama manusia yang merupakan tuntutan selepas daripada keimanan kepada Allah dan Hari Kiamat.
2. Umat Islam juga wajib meninggalkan perbuatan *ghibah* iaitu mengumpat, bergosip dan menyebarkan keburukan orang lain terutama sekali di media sosial.
3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa mulut adalah antara punca utama yang menyebabkan manusia itu menjadi penghuni neraka.

26

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ﴿١﴾

"Celakalah bagi setiap pengumpat dan pencela."

(Surah al-Humazah : 1).

27





بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ اِيْمِ الْعَوْنِ وَالْهَدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُوْ اَمِيْرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكِرْمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22